

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah Hospital Daerah Kota Belud akan dinaik taraf memandangkan keadaan hospital sekarang tidaklah sebaik dari segi fasiliti berbanding hospital-hospital daerah lain terutama sewaktu keadaan pandemik ini berlaku, mungkin beberapa fasiliti harus dinaik taraf kepada bangunan atau peralatan baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan menaik taraf bangunan Hospital Kota Belud, Sabah yang telah uzur dan mencapai usia melebihi 35 tahun. **Sehubungan itu, di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)**, KKM telah melaksanakan beberapa projek naik taraf di Hospital Kota Belud seperti:

- a. **Pembinaan Bangunan Unit Kecemasan Dan Trauma** pada tahun 2015 dengan kos RM2.5 juta;
- b. **Pembinaan Stor High Hemodialisis Unit (HDU) yang baru** pada 2017 dengan kos RM200 ribu; dan

- c. **Pembaikan Bumbung Unit Hasil, Outpatient Department (OPD), Pengurusan** dari tahun 2018 sehingga 2020 dengan kos sebanyak RM428 ribu.
2. Bagi tahun 2020 pula, **di bawah Peruntukan Belanja Pembangunan - 00600 (Naiktaraf, Ubahsuai Dan Pembaikan)**, KKM telah meluluskan kerja-kerja seperti berikut:-
- a. **Kerja Mengubahsuai Lantai Stor Penyimpanan Silinder Oksigen Farmasi Logistik**; dan
- b. **Pembaikan Siling Farmasi Pesakit Dalam Dan Galenikal**.
3. Bagi pelan jangka masa panjang pula, KKM bercadang **untuk membina Blok Klinikal Baru Hospital Kota Belud yang merangkumi Wad Pesakit Dalam, Dewan Bedah, Dewan Bersalin, Makmal Patologi dan perkhidmatan sokongan yang lain**. Cadangan projek ini akan dipohon dalam permohonan projek Rancangan Malaysia yang akan datang tertakluk kepada keutamaan dan kemampuan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi menangani kenaikan kes COVID-19 di daerah Kota Belud, **kes-kes COVID-19 kategori 1 dan 2 dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 di luar Hospital Kota Belud, iaitu Kota Belud Rest House dan PPR Seri Bayu**. Kes-kes kategori 3 hingga 5 pula akan dirujuk ke Hospital Queen Elizabeth yang merupakan Hospital COVID-19. Ini membolehkan Hospital Kota Belud terus menyediakan rawatan bagi kes-kes bukan COVID-19.

Sekian, terima kasih.